

17/08/2003

Pelumba negara bersaing rebut slot ke Mesir

Ahmad Fiesal Othman

TATKALA pemandu-pemandu luar negara tampil untuk menawan saingan pusingan ketiga Perodua Rotax Max Malaysia (RMC) 2003 di litar Fast Track Speedzone, Elite USJ hari ini, debaran sebenar hadir daripada kategori Rotax Max Senior apabila slot sebagai wakil Malaysia ke Rotax World Final di Mesir Januari tahun depan jadi pertaruhan.

Selain menepis cabaran pelumba Hong Kong, Jepun, Taiwan dan India pendahulu kategori Rotax Max Senior, Ng Wai Leong, yang kini mengumpul 172 mata dijangka menerima saingan sengit oleh rakan senegara Nik Iruwan (161 mata) dan peserta Singapura, Charles Kwan (158 mata).

Wai Leong, 28, menduduki tempat kedua pada pusingan pertama RMC di Kelantan tetapi menjuarai pusingan kedua di litar Fast Track Speedzone Julai lalu, menewaskan dua rakan senegara, Nik Iruwan dan Aaron Lim di tempat kedua dan ketiga.

Hanya juara keseluruhan Rotax Max Senior daripada lima pusingan RMC berpeluang mewakili Malaysia ke kejohanan dunia itu.

Selain kategori Rotax Max Senior yang turut menyenaraikan peserta lebih 35 tahun, tiga lagi kategori dipertandingkan dalam pusingan ketiga RMC esok iaitu Kadet, Rotax Max Junior dan Rotax Max Veteran.

Dalam kategori Rotax Max Senior lebih 35 tahun, Mahathir Ngaau mendahului kejuaraan dengan 121 mata manakala pencabar terdekat Raymond Kong hanya enam mata di belakang. Begitupun, Martin Druhan yang sebelum ini menduduki tempat kedua tetapi jatuh ke tempat keempat selepas pusingan kedua kerana mengalami masalah teknikal dijangka akan cuba bangkit semula pada pusingan ketiga ini untuk kembali menduduki tempat teratas.

Untuk kategori Rotax Max Veteran, peserta Singapura, Thia Yoke Kian, agak selesa apabila mendahului pencabar terdekat James Leong dengan 14 mata apabila mengumpul 20 mata keseluruhan.

Namun, dalam kategori Junior Max, kedudukan pendahulu, Shafiq Ali yang mengumpul 165 mata masih belum selesa kerana hanya tiga mata mendahului pencabar terdekat, Imran Zaharias Sharom.

Shafiq perlu melakukan sesuatu untuk menjarakkan diri daripada pencabarnya yang pasti lebih bersemangat apabila bakal menggunakan silinder enjin baru untuk memberi saingan kepadanya.

Begitupun, dalam kategori ini, cabaran James Russel dan Johan Adzmi juga tidak boleh dipandang remeh kerana kedua-duanya berpeluang merampas kedudukan pendahulu jika sesuatu berlaku terhadap dua pencabar di atas.